PENDAKWA RAYA

lwn.

EZANI BIN YAAKUB & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KOTA BHARU
DATO' SULEIMAN BIN HASHIM PK
[PERBICARAAN JENAYAH
NO: 47-6-1989]
4 FEBRUARI 1993

DADAH BERBAHAYA: Tuduhan mengedar dadah berbahaya - Tertuduh dipanggil memasukkan pembelaannya - Sama ada anggapan statutori terhadap jagaan dan pengetahuan telah dipatahkan - Sama ada tertuduh telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa.

Kedua-dua tertuduh ditangkap dalam satu seranghendap oleh pasukan polis. Tertuduh pertama (T1) dilihat membimbit sebuah beg yang didalamnya didapati mengandungi dadah berbahaya jenis cannabis. Mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwa telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh pertama dan beliau dipanggil untuk memasukkan pembelaannya.

Pembelaan T1 ialah bahawa ia telah diajak oleh tertuduh kedua (T2) untuk mengiringinya ke tempat kejadian dan di sana semasa mereka sedang berada di tebing sungai, seorang pemuda bernama Razak telah menyerahkan satu beg kepada T2 dan T2 pula telah menyerahkan beg tersebut kepadanya dan menyuruhnya membawa beg itu balik ke kereta. T1 menegaskan yang dia tidak tahu kandungan beg tersebut dan yang dia tidak menanya T2 tujuan T2 mengajaknya ke tempat kejadian walaupun ia mengakui bahawa ia mengenali T2 selama lebih kurang dua tahun sebelum tarikh kejadian.

Tertuduh kedua diperintahkan dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri kerana Mahkamah mendapati tidak ada *nexus* diantara tertuduh kedua dan beg yang didapati mengandungi dadah tersebut dan oleh yang demikian tiada ujud apa-apa anggapan statutori terhadapnya.

Diputuskan:

[1] Pembelaan T1 bahawa beliau begitu naif (naive) sehingga boleh diserit atau terserit sehingga membimbit beg yang mengandungi dadah tanpa pengetahuan isi kandungannya, menimbang kepada keseluruhan kes berasas kepada penelitian kepada keterangan-keterangan pihak pendakwa dan pihak pembela pada keseluruhannya, berbunyi kosong dan tidak dapat diterima atas ukuran imbangan kebarangkalian.

[2] T1 ada pengetahuan bahawa isi kandungan beg yang beliau membimbit adalah ganga dan ia tidak berjaya mematahkan anggapan-anggapan di bawah s. 37(d), (da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan oleh yang demikian ia adalah mengedar ganja itu.

[3] Pembelaan T1 tidak menimbulkan atau membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwa.

[T1 didapati bersalah dan di hukum mati].

Kes-kes yang dirujuk:

A. Ragunathan v. PP [1982] CLJ 25 / [1982] 1 MLJ MP ***(dirujuk)***
Tai Chai Keh v. PP [1948 - 49] MLJ Supp. 105 CA ***(diikuti)***
Chang Kim Siong v. PP [1968] 1 MLJ 136 FC ***(dirujuk)***
PP v. Lim Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086 MA ***(diikuti)***
Dato' Mokhtar Hashim v. PP [1983] 2 CLJ 10 / [1983] 2 MLJ 232 MP ***(diikuti)***
DPP v. Brooks [1974] AC 862 PC ***(dirujuk)***
Syed Ali v. PP [1982] CLJ 188 / [1982] 1 MLJ 132 MP ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Aziz [1993] 1 CLJ 138 ***(dirujuk)***
PP v. Ramli Long [1993] 1 CLJ 144 ***(dirujuk)***
Johara Bi v. Lawrence Lam [1981] 1 MLJ 139 MP ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), ss. 37(d)(da)(vi), 39B(1)(a)(2)
Kanun Acara Jenayah, s. 277

Bagi pihak pendakwa raya - Amin Firdaus bin Abdullah, TPR
Bagi pihak T1 - P.M. Mahalingam
Bagi pihak T2 - Cheang Chu Yong

ALASAN PENGHAKIMAN

Suleiman bin Hashim PK:

Tertuduh dituduh:

> Bahawa kamu berdua bersama-sama (jointly) pada 16 Disember 1988, jam lebih kurang 2.00 petang di Pengkalan Pasir, Kampung Bagus, Rantau Panjang, dalam daerah Pasir Mas, dalam Negeri Kelantan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu ganja (cannabis) seberat 1,193.57 gram dan oleh itu, kamu berdua telah melakukan suatu kesalahan dibawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan boleh dihukum dibawah s. 29B(2) Akta yang sama.

Kes pendakwa ialah pada 16 Disember 1988 K/ Insp. Ahmad Kamaruddin b. Abdullah (SP3) mengetuai satu pasukan polis, anggota-anggotanya:

1. DPC 89804 Mokhtar (SP5).
2. D/Kpl. 58635 Sabirin (SP6).

3. D/Kpl. 58810 Md. Hashim (SP7).
4. D/Kpl. 56608 Tuan Haji Kamaruzaman.
5. D/Kpl. 58430 Salleh
6. D/Kpl. 51093 Hamat.
7. DPC 66819 Ramlan.

Dan mengikut keterangan SP3,

Pada 16 Disember 1988 jam lebih kurang 11.45 pagi saya dan rombongan, sampai ditempat kejadian.

xx xx

xx xx

Setelah itu kami menunggu dalam kedudukan serang hendap sehingga jam lebih kurang 2 petang 16 Disember 1988 saya telah diarahkan oleh Kon. 58810 Md. Hashim melalui set walkie-talkie bahawa sebuah kereta yang disyaki telah memasuki jalan ke Pengkalan Pasir.

Sejurus kemudian daripada kedudukan saya membuat serang hendap saya lihat kereta tersebut memasuki Pengkalan tersebut dan apabila sampai di penghujung jalan tar kereta tersebut membelok ke kanan masuk ke satu kawasan berpagar dan berhenti dihadapan saya membuat serang hendap.

Kon. 58810 ada bagitau kereta tersebut ialah kereta jenis Mazda No. MJ 4767 berwarna putih, juga Kon. 58810 Md. Hashim ada beri saya tahu terdapat dua lelaki yang tidak dikenali di dalam kereta tersebut.

Kereta MJ4767 berhenti di hadapan tempat serang hendap saya, jaraknya lebih kurang 20 ela tempat kereta itu berhenti dan tempat saya buat serang hendap, bahagian hadapan kereta mengadap ke arah saya, saya lihat ada dua lelaki dalam kereta tersebut, seorang duduk di sebahagian pemandu, seorang lagi sebelahnya, sebelah pemandu.

Setelah kereta itu berhenti kedua-dua lelaki dalam kereta membuka pintu kereta dan keluar daripada tempat duduk masing-masing.

xx xx

xx xx

Setelah kedua-dua keluar daripada kereta, kedua-duanya berjalan di bahagian belakang kereta dan berhenti seketika dan berbisik di antara satu dengan lain. Setelah itu kedua-dua lelaki tersebut terus berjalan kaki pergi kearah sungai iaitu Sungai Golok, selepas itu saya tidak dapat lihat apa yang berlaku di kawasan yang ditujui oleh kedua-dua lelaki tersebut.

xx xx

xx xx

S. Setelah kedua-dua lelaki hilang daripada pandangan awak apa berlaku kemudian?

J. Lebih kurang 10 ke 15 minit kemudian saya nampak kedua-dua lelaki tersebut berjalan kaki balik semula ke kereta dan salah seorang daripada mereka sedang membimbit satu beg berwarna biru dan putih merah berbelang di tangan kirinya, sepanjang masa tidak sesiapa menghampiri kereta tersebut semasa kedua-dua lelaki itu berjalan balik semula ke kereta tidak ada sesiapa bersama mereka, lelaki yang membimbit beg tersebut adalah lelaki yang turun daripada sebelah penumpang hadapan.

xx xx

xx xx

Lelaki yang membawa beg dan seorang lagi masing-masing menuju ke pintu kereta dan lelaki yang membawa beg membuka pintu kereta penumpang hadapan memasukkan beg tersebut ke dalam kereta dan terus masuk duduk di bahagian penumpang hadapan mereka yang seorang lagi membuka pintu sebelah pemandu, dan terus masuk duduk dibahagian pemandu.

Setelah kedua-dua telah memasuki kereta saya dengar injin kereta dihidupkan dan kereta terus berundur ke belakang dan berhenti lalu berpusing kanan naik ke atas jalan tar dan berlepas untuk keluar ke jalan besar.

Tidak ada sesiapa menghampiri kedua-dua lelaki tersebut.

Setelah kereta itu bergerak menaiki jalan tar saya memberi arahan melalui set walkie talkie kepada Kon. 58810 Md. Hashim supaya menyekat kereta tersebut dengan menggunakan motor van untuk tujuan pemeriksaan.

Sebelum saya memberi arahan itu tidak lama kemudian dalam masa yang singkat lebih kurang satu minit saya dengar bunyi gisiran tar yang kuat dan diikuti oleh beberapa das tembakan dan ketika itu saya nampak kereta MJ4767 tersebut sedang berundur dengan lajunya ke arah belakang iaitu menuju ke bahagian sungai.

Setelah itu saya lihat kereta tersebut telah terkandas bahagian belakangnya pada satu tunggul kayu di tepi jalan dan ketika itu saya lihat kedua-dua pintu kereta telah dibuka dan kedua-dua lelaki tersebut iaitu pemandu

dan penumpang hadapan telah keluar daripada kereta dan pemandu telah melarikan diri terus ke sebelah kawasan semak manakala penumpang hadapan telah melarikan diri ke arah kedudukan saya membuat serang hendap.

Setelah itu saya terus keluar daripada kedudukan saya menuju ke arah lelaki atau penumpang hadapan yang melarikan diri itu dan apabila lelaki itu nampak saya dia terus berhenti dan menyerah diri dengan mengangkat kedua-dua tangannya ke atas.

Setelah itu saya terus gari lelaki tersebut dan pada ketika itu saya nampak Kpl. 58635 Sabirin dan Kon. 66819 Ramlan telah sampai tempat saya tangkap lelaki itu saya terus memberi arahan kepada kedua-dua anggota saya tersebut supaya meneruskan usaha untuk mengejar lelaki pemandu kereta yang melarikan diri.

Setelah itu saya bawa lelaki yang saya tangkap ke kereta MJ 4767 di sebelah penumpang hadapan dan bila saya menghampiri kereta itu saya nampak pada ketika itu pintu kereta masih terbuka dan terdapat sebuah beg warna biru dan merah putih berbelang di atas lantai kereta tersebut bahagian penumpang hadapan.

Penumpang kereta itu ialah Ezani b. Yaakub (T1).

"Beg berwarna biru dan merah putih berbelang di atas lantai kereta tersebut bahagian penumpang hadapan" ialah P15, di dalamnya ganja seperti dinyata dituduhan.

Dan mengikut keterangan SP3, seterusnya,

Setelah itu saya simpan balik kedua-dua bungkusan plastik itu ke dalam beg dan saya arahkan Kpl. 58810 Md. Hashim supaya kawal T1 bersama dengan barang kes di dalam kereta, setelah itu saya terus mengejar ke arah lelaki yang kedua iaitu pemandu melarikan diri.

Dalam perjalanan saya lebih kurang 50 ela daripada situ, daripada tempat kereta saya telah menjumpai sehelai jeket tiada lengan warna coklat di atas tanah, saya terus ambil jeket tersebut dan meneruskan perjalanan saya.

Dalam perjalanan saya telah didatangi oleh seorang lelaki melayu yang saya tidak kenali dan memberitahu saya ada orang menaiki rumahnya. Setelah itu saya minta lelaki melayu itu menunjukkan kepada saya rumahnya dengan mengikutinya dari belakang.

a Pada masa itu dua anggota saya Kon. 66819 Ramlan dan Kon. 58430 Salleh sampai di tempat saya dan saya minta terus ikut saya.

Apabila sampai di rumah lelaki melayu yang memberitahu saya itu saya terus naik ke atas rumah diikuti oleh lelaki melayu itu iaitu tuan rumah, setelah itu saya menanya *b* kepada lelaki itu dimanakah bahagian lelaki yang menaiki rumahnya bersembunyi. Tuan rumah itu menunjukkan kepada saya sebuah bilik yang sebelah kunci dalam rumahnya.

Saya terus pergi ke pintu bilik tersebut pada masa itu saya nampak pintu tingkap di bilik itu sebelum terbuka dan setelah masih *c* dalam keadaan tutup dan keadaan dalam bilik itu saya dapati keadaannya sama-sama.

Setelah itu saya memerhati di sekeliling bilik tersebut yang mana tidak nampak sesiapa di dalam bilik itu lalu saya menyedari di dalam bilik itu dan saya nampak di penjuru bilik sebelah kiri dalam bilik terdapat *d* sebidang tikar tersandar penjuru itu dalam keadaan condong. Saya terus pergi ke penjuru bilik itu dan menarik membuka tikar itu saya lihat ada seorang lelaki dalam keadaan duduk melengkok badannya pada penjuru bilik.

e Pada ketika itu lelaki itu tidak memakai baju dan hanya memakai seluar panjang warna gelap.

Setelah itu saya terus tangkap lelaki itu dan bawa dia ke ruang tamu, di ruang tamu saya dapati Kon. 66819 Ramlan dan Kon. 58540 Salleh berada di situ dan arahkan *f* Kon. 66819 Ramlan supaya menggari lelaki yang kedua saya tangkap ini.

Pada masa saya bawa lelaki ini keluar daripada bilik saya dapati beliau sedang memegang sehelai baju warna oren berkolar biru.

Setelah itu saya arahkan Kon. 58430 Salleh *g* supaya mengambil tikar yang mana lelaki ini menyembunyi diri setelah itu saya bersama Kon. 66819 Ramlan dan Kon. 58430 Salleh membawa lelaki yang kedua ditangkap ini bersama tikar yang dirampas ke kereta, ke tempat kereta MJ 4767.

h Jeket tiada lengan warna cokolat di atas tanah ialah P18, jeket ini telah dipakai oleh pemandu kereta MJ 4767, "Seorang lelaki melayu yang saya tidak kenali" ialah Zulbakri b. Mohd (SP2), keterangan SP2 menyokong keterangan SP3, "tikar tesandar penjuru itu dalam keadaan condong" didalamnya "ada *i* seorang lelaki dalam keadaan duduk

melengkok badannya", tikar itu ialah P11, lelaki itu ialah Mohd Rani b. Hassan (T2), "seluar panjang warna gelap" T2 pakai ialah P13, "sehelai baju warna oren berkolar biru" ialah P12.

Jadi T1 ialah penumpang kereta MJ 4767 itu dan T2 ialah pemandu kereta MJ 4767 itu.

Keterangan SP3 disokong oleh keterangan SP5, SP6 dan SP7.

Encik P.M. Mahalingam bagi pihak T1 ada menyoal balas saksi-saksi berkenaan pihak pendakwa,

(1) mencabar kebolehpercayaan saksi-saksi berkenaan.
(2) mengatakan sebenarnya saksi-saksi berkenaan tidak nampak T1 membimbit, membawa P15, di dalamnya ganja seperti dinyata di tuduhan.
(3) mengatakan kelakuan T2 cuba melarikan kereta MJ 4767 itu, kelakuan T1 dan T2 masing-masing cuba melarikan diri oleh sebab ada tembakan senjatapi kepada mereka dalam kereta itu.

Dengan hormatnya pada pendapat saya sekurang-kurangnya, serendah-rendahnya terhadap T1 ada keterangan SP3 tidak "inherently incredible", kes *A.Ragunathan v. PP* [1982] 1 MLJ MP, T1 ada membimbit P15, di dalamnya ganja seperti dinyata dituduhan, bermakna T1 ada jagaan (custody) atau kawalan (control) P15, bermakna ia mewujudkan anggapan milikan (possession), wujudlah anggapan pengetahuan (knowledge) di bawah s. 37(d) dan oleh kerana ganja di dalam P15 melebihi 200 grammes bermakna ujudlah anggapan di bawah s. 37(d)(da)(vi) ADB, 1952, ada kes *prima facie* terhadap T1.

Saya memerintah T1 membela diri.

Dengan hormatnya pada pendapat saya selebih-lebihnya, setinggi-tingginya terhadap T2 ialah,

(1) semasa perjalanan bersama-sama T1 ke arah sungai ada "berhenti seketika dan berbisik" dengan T1
(2) semasa perjalanan bersama T1 kembali ke kereta, berhampiran T1 yang membimbit P15, T2 tidak pada bila masa pun membimbit, membawa, memegang, menyentoh P15.
(3) T2 cuba melarikan kereta, T2 cuba melarikan diri.

Penghujahan Encik Mahalingam dan penghujahan Y.A. TPR masing-masing panjang dan lebar dengan masing-masing mengemukakan beberapa kes-kes rujukan.

Dengan hormatnya pada pendapat saya,

(1) berbisik itu, tidak dapat saya membuat inferens yang menentang adverse inference) dan "where there is more than one inference which can reasonably be drawn from a set of facts in a criminal case, we are of opinion that the inference most favourable to the accused should be adopted", kes *Tai Chai Keh v. PP* [1948 - 49] MLJ Supp. 105 CA.
(2) perjalanan bersama ke arah sungai dan kembali bersama ke kereta dengan T1 membimbit P15,

Y.A. TPR kata T2 ada "constructive possession". Encik Mahalingam kata "it is trite law where the prosecution are relying on circumstantial evidence the onus upon it is a very heavy one and that evidence must point irresistibly to the guilt of the Accused. If there are gaps in it then that will not be sufficient. (Per Pike CJ in *Chang Kim Siong v. PP* [1968] 1 MLJ 136 FC ...

> We consider that it would not be an unfair summary of the case for the prosecution against the respondent, on the question whether it was proved that he was in custody or control of the seven packages or the cigarette, packet, containing the offending exhibits, if we said that the evidence against him in relation thereto was, essentially, or juxta position. It goes without saying that such evidence, which amounts to nothing more than grave suspicion, is totally inadequate for purposes of inferring, control or even custody of the containers concerned, sufficient to attract the presumption under s. 37(d). Accordingly, on this ground alone, the learned Judge was perfectly entitled to rule, at the close of the case for the prosecution, that the respondent had no case to answer and to acquit and discharge him", kes *Lim Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086 MA. Juga "But in our system of administration of justice suspicion, however strong, cannot be a substitute for proof by admissible evidence", kes Dato' *Mokhtar Hashim v. PP* [1983] 2 MLJ 232 MP.

(3) T2 cuba melarikan kereta, T2 cuba melarikan diri, ada tembakan oleh SP6 yang tidak berpakaian seragam polis, yang berpakaian biasa, tidak ada keterangan jelas T2 tahu SP6 seorang anggota polis pada ketika itu, bukan "... the police, who were in uniform ... kes *DPP v. Brooks* [1974] AC 862 PC, juga memandangkan kepada "the common course of natural events and human conduct", kes *Syed Ali v. PP* [1982] 1 MLJ 132 MP, juga fakta T2 cuba melarikan kereta, cuba melarikan diri hanya "merely one aspect of the totality of the evidence, kes *PP v. Abdul Aziz* [1993] 1 CLJ 138.

Dengan hormatnya jadi pada pendapat saya "of the totality of the evidence" tidak ada kes *prima facie* terhadap T2, tidak ada keterangan kalau pun "not inherently improbable", langsung tidak ada *nexus* T2 dan P15, T2 tidak ada jagaan (custody) tidak ada kawalan (control) P15, tidak wujud apa-apa anggapan di bawah s. 37(d) bermakna tidak wujud anggapan di bawah s . 37 (da)(vi) ADB, 1952, juga kes *PP v. Ramli Long* [1993] 1 CLJ 144. 17.

Saya memerintah T2 dilepaskan dan dibebaskan tanpa membela diri.

T1 memberi keterangan secara bersumpah. Kata T1 sebelum 16 Disember 1988 hari kejadian itu beliau telah berkenalan T2 selama lebih kurang dua tahun dan pada hari kejadian itu jam lebih kurang 12.00 tengah hari T2 datang ke rumah beliau dengan kereta MJ 4767 ajak beliau pergi ke tempat kejadian. Selepas T2 berhentikan kereta di tempat kejadian T2 ajak beliau berjalan bersama ke tebing sungai, di tebing sungai ada seorang pemuda, T2 memperkenalkan dirinya dengan sebutan namanya kepada pemuda itu, pemuda itu memperkenalkan dirinya dengan sebutan namanya Razak kepada T2, Razak menyerahkan P15 kepada T2 dan T2 menyerahkan P15 kepada beliau (T1), "selepas Rani menerima beg daripada Razak Rani memberi dan menyuruh saya membawa beg itu balik ke kereta."

Seterusnya kata T1, semasa pemeriksaan utama,

> Saya ada menerima beg itu daripada Rani. Saya berjalan dengan Rani dari kawasan pengkalan tebing sungai menuju ke kereta. Sampai di kereta saya memasuki kereta di tempat duduk bahagian hadapan sebelah penumpang dan Rani memasuki kereta bahagian depan, bahagian driver ...
>
> xx xx xx
>
> S. Bila Rani bagi itu beg kepada awak ada awak tahu apa kandungan beg itu?
>
> J. Tidak tahu.
>
> S. Kalau awak tahu beg itu kandungan ialah ganja, awak, kalau awak tahu atau syaki ada ganja awak bersetuju bawa beg itu?
>
> J. Tidak bersetuju ...

Kata T1 perhubungan beliau dengan T2, pemeriksaan balas oleh Y.A. TPR,

> S. Tadi awak kata perhubungan awak dan Rani biasa, tidak rapat, tidak begitu rapat?
>
> J. Perhubungan saya dengan Rani sebagai seorang sahabat.
>
> S. Rapat dengan dia.
>
> J. Nak dikata rapat tidak rapat sangat"

Setelah Y.A. TPR tamat pemeriksaan balas T1, pada pendapat saya ada tidak kurang lima ("unanswered questions") kes *Johara Bi lwn. Lawrence Lam* [1981] 1 MLJ 139 MP dan saya maklumkan T1 elok saya dapat penjelasan (clarification) beliau supaya tidak saya kemudian membuat inferens menentang (draw adverse inference) terhadap beliau tanpa terlebih dahulu memberi beliau peluang memberi penjelasan. Saya juga maklumkan T1 selepas penjelasan beliau semasa pemeriksaan semula boleh peguam beliau mengemaskinikan membetolkan apa-apa perlu, patut dikemaskinikan, dibetolkan. Lima perkara itu seperti rakaman saya,

> *Mahkamah kepada Tertuduh*
>
> TPR ada menyoal Ezani dan Ezani, ada beri jawapan-jawapan,
>
> S. Tadi awak kata perhubungan awak dan Rani biasa, tidak rapat, tidak begitu rapat.
>
> J. Perhubungan saya dengan Rani sebagai seorang sahabat sahaja.
>
> S. Nak kata rapat tidak rapat sangat
>
> Juga,
>
> S. Di kawasan yang bertemu dengan Razak, kawasan sunyi, tebing sungai, setuju.
>
> J. Setuju.

S. Ada lalang-lalang semak-semak di sekililingnya?

J. Ada."

S. Dan kawasan itu boleh dikatakan terpencil.

J. Ya"

Juga,

J. Saya sedang berehat di rumah.

S. Apakah tujuan Rani datang ke rumah awak dengan kereta pada hari itu 16 Disember 1988?

J. Mengajak saya menemaninya pergi ke Rantau Panjang.

S. Jadi Rani ada kata pada Ezani dia hendak pergi ke Rantau Panjang buat apa?

J. Tidak ada.

S. Awak tak tanya dia?

J. Tidak.

Soalan pertama saya kepada Ezani,

(1) Rani seorang sahabat Ezani "tidak rapat sangat." Macam mana boleh Ezani tidak tanya seorang sahabat "tidak rapat sangat" yang ajak Ezani menemaninya pergi ke Rantau Panjang apa sebabnya atau hendak buat apa di Rantau Panjang?

Juga,

S. Bila sampai di Rantau Panjang, Rani dan awak buat apa, iaitu pada hari kejadian.

J. Maksud saya Rani terus masuk ke Pengkalan Pasir.

S. Pada masa Rani terus masuk ke Pengkalan Pasir iaitu bukan pekan, awak ada tanya dia sebab apa, maksud saya terus masuk ke Pengkalan Pasir bukan kawasan Rantau Panjang?

J. Saya tidak tanya.

Soalan kedua saya kepada Ezani,

(2) Rani seorang sahabat Ezani "tidak rapat sangat." Macam mana boleh Ezani tidak tanya seorang sahabat "tidak rapat sangat" apa sebabnya atau hendak buat apa kalau dahulunya hendak pergi ke Rantau Panjang sekarang ini perubahan masuk ke Pengkalan Pasir, bukan kawasan Rantau Panjang.

Juga,

S. Masa kereta berhenti ada awak tanya Rani kenapa berhenti kereta di situ.

J. Tidak ada"

Soalan ketiga saya kepada Ezani,

(3) Rani seorang sahabat Ezani "tidak rapat sangat". Macam mana boleh Ezani tidak tanya seorang sahabat "tidak rapat sangat" apa sebabnya atau hendak buat apa berhenti kereta di kawasan sungai" itu, di tempat "ada lalang-lalang, semak-semak di sekililingnya" itu, di kawasan boleh dikatakan "terpencil" itu.

Soalan saya keempat kepada Ezani,

(4) Tempat Rani berhenti kereta lebih kurang 1/2 kilometer ke tebing sungai (Nota keterangan m.s. 195) lebih kurang dari sini ke bulatan jam besar. Rani seorang sahabat Ezani "tidak rapat sangat. "Semasa Ezani dan Rani berjalan bersama-sama sepanjang, sejarak lebih kurang 1/2 kilometer ketebing sungai, "kawasan sunyi" tempat "ada ialah lalang-lalang, semak-semak di sekelilingnya" di kawasan boleh dikatakan "terpencil" ada atau tidak Ezani tanya Rani seorang sahabat "tidak rapat sangat" apa sebabnya atau hendak buat ke tebing sungai itu atau di tebing sungai itu.

Soalan saya kelima kepada Ezani,

(5) Memandang kepada keseluruhannya TPR", Jadi peristiwa itu pertama dengan Razak di tebing sungai, penyerahan beg dan Rani menyerah beg kepada awak untuk dibawa tidakkah awak syaki sesuatu atau sekurang-kurangnya merasakan suasana yang ganjil "macam mana boleh Ezani jawab "Tidak".

Pada perjalanan perbicaraan pada ketika itu jam sudah 4.05 petang 2 Februari 1993. Saya beri kepada T1, Y.A. TPR dan setiap peguam, setiap seorang satu salinan fotostat rakaman itu, saya maklumkan T1 dan peguam beliau boleh beliau memberi penjelasan esok selepas beliau berunding dengan peguam beliau.

Pada 9.30 pagi esoknya (3 Februari 1993) Mahkamah bersidang semula dan penjelasan T1,

Soalan pertama jawapan saya ialah apabila Rani mengajak saya ke Rantau Panjang saya sudah tahu Rani akan membawa saya berhentian Pengkalan Pasir dan terkandung

dalam bandar Rantau Panjang untuk ke ssberang ke sebelah Thailand biasanya untuk pergi makan dan membeli barangan sebab barang makanan di sebelah Thailand biasanya sedap dan murah. Pengkalan Pasir juga adalah salah satu tempat lalu-lintas orang ramai kesebelah Siam tanpa menggunakan paspot. Rani biasa membawa saya ke sini lebih kurang satu bulan satu kali sebab itulah saya tidak tanya Rani.

Soalan kedua jawapan saya ialah sebab saya tidak tanya Rani sudah jadi kebiasaan dia membawa saya ke Pengkalan Pasir yang disebutnya Rantau Panjang kerana setiap kali Rani menjemput saya ke Rantau Panjang ke Pengkalan Pasir jugalah tujuannya. Lagi pun Pengkalan Pasir terletak dalam kawasan bandar Rantau Panjang.

Soalan ketiga jawapan saya ialah saya tidak tanya Rani mengapa dia berhentikan kereta di kawasan itu sebab kebiasaannya apabila sampai di Pengkalan Pasir di situlah selalunya Rani memberhentikan keretanya.

Soalan keempat jawapan saya ialah sekurang-kurangnya daripada tempat kami letak kereta di tebing sungai tidaklah agak jauh mana dan Pengkalan Pasir juga adalah salah satu tempat pengkalan haram maksudnya tempat orang melintas ke Siam tanpa menggunakan paspot.

Soalan kelima jawapan saya ialah telah menjadi kebiasaan kami saya dan Rani untuk makan di sebelah Siam tetapi pada hari itu pertemuan saya dan Rani dengan Razak di tebing sungai saya tidak mengesyaki apa-apa terhadap Rani dan memberi sepenuh kepercayaan saya terhadapnya kerana sebelum ini tidak pernah berlaku perkara sumbang antara saya dan Rani tetapi selepas kejadian itu apabila saya ditangkap dan dibawa ke balai polis Rantau Panjang dan pihak polis memberitahu saya isi kan dungan yang terkandung di dalam beg itu adalah barang salah timbullah dalam hati saya rasa benci dan marah terhadap Rani kerana telah memperalatkan saya dan mengambil kesempatan atas kepercayaan saya terhadapnya.

Mahkamah kepada tertuduh.

S. Ketahuan saya pagi ini Ezani dan Rani biasa kemana?

J. Biasa Rani membawa saya ke Pengkalan Pasir untuk ke seberang,

S. Tetapi semalam keterangan Ezani menjawab soalan TPR,

a S. Sebelum kejadian awak, sebelum 16 Disember 1988,

awak pernah pergi ke tempat yang sama itu, iaitu tebing sungai itu.
Tidak pernah.
Apa penjelasan Ezani?

b J. Tidak pernah yang saya maksudkan sebelum kejadian tembak-menembak sehingga saya ditangkap saya tidak pernah memasuki kawasan itu pada sebelah pagi atau mana-mana masa pada hari itu, sebelum kejadian itu.

c Jadi penjelasan T1 sekarang beliau sudah kebiasaannya beliau dan T2 pergi ke tempat kejadian sedangkan semasa pemeriksaan balas Y.A. TPR T1 ada menjawab "Tidak pernah" dan tambah penjelasan T1 sekarang ialah "Tidak pernah" itu tidak pernah pada 16 Disember 1988 "sebelum kejadian tembak menembak sehingga saya ditangkap saya
d tidak pernah memasuki kawasan itu pada sebelah pagi atau mana-mana masa pada hari itu, sebelum kejadian itu" bukan tidak pernah sebelum 16 Disember 1988.

Dengan hormatnya soalan Y.A. TPR semasa pemeriksaan balas "... sebelum 16 Disember
e 1988 ..."

T1 seorang berkelulusan SPM, seorang guru sementara, guru sambilan Maktab Sains Rendah Mara, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan sekarang ini berpura-pura beliau tidak faham, beliau salah faham soalan
f Y.A.TPR berbunyi kosong (sounds hollow), soalan Y.A.TPR dengan izin saya ulangi,

S. Sebelum kejadian awak, sebelum 16 Disember 1988, awak pernah pergi ke tempat yang sama itu, iaitu tebing sungai itu.

g J. Tidak pernah.

Pembelaan T1 beliau tidak tahu apa isi kandungan P15. Beliau tidak tanya T2 dan T2 tidak beri tahu beliau apa isi kandungan P15. Pada satu ketika pemeriksaan balas T1 oleh Y.A.TPR,

h S. Jadi jika awak hendak awak boleh tanya Rani apa yang sebenarnya berlaku pada hari itu setuju.

J. Boleh. Tetapi saya tidak pernah merasa syak wasangka terhadap Rani.

Dengan hormatnya pelik, anih.
i

Dengan hormatnya pelik, anih sebab ada T1 kata T2 itu kawan beliau "Nak kata rapat tidak rapat". Kawasan sedemikian "Nak kata rapat tidak rapat" boleh tidak ditanya apa sebenarnya berlaku, telah berlaku dengan akhir-akhirnya T2 ajak beliau berjalan bersama ke tebing sungai, di tebing sungai ada seorang pemuda, T2 memperkenalkan dirinya dengan sebutan namanya kepada pemuda itu, pemuda itu memperkenalkan dirinya dengan sebutan namanya Razak kepada T2, Razak menyerahkan P15 kepada T2 dan T2 menyerahkan P15 kepada beliau (T1)-"selepas itu Rani menerima beg daripada Razak. Rani memberi dan menyuruh saya membawa beg itu balik ke kereta.

Perhubungan T1 dan T2, T2 dan T1 keterangan T2 sebagai saksi bagi pihak T1, pemeriksaan balas T2 oleh Y.A TPR,

S. Kesimpulannya Ezani seorang sahabat rapat dengan awak, betul.

J. Saya dengan Ezani, dalam pergaulan, saya dengan Ezani lebih kurang dua tahun. Maksud saya berkawan baik dengan Ezani".

Jadi keterangan T1 "Nak kata rapat tak rapat, keterangan T2 "Maksud saya berkawan baik dengan Ezani."

Selain daripada itu keterangan T2 menyokong keterangan T1.

Ada keterangan T2, pemeriksaan utama,

S. Siapa meminta awak pergi ke Pengkalan Pasir pada hari itu lebih kurang 1.30 untuk jumpa seorang Razak?

J. Din, kawan saya yang rapat.

S. Din cakap pergi jumpa Razak di Pengkalan Pasir lagi apa dia ada cakap?

J. Din minta tolong kepada saya. Din mangatakan dia suruh saya pergi ambil beg dengan seorang pemuda yang bernama Razak, lepas itu dia tidak bagi tahu apa-apa kepada saya dan dia bagi kepada saya RM500.

S. Dan adakah dia cakap bila you terima beg dari Razak apa yang hendak buat?

J. Semasa saya terima beg daripada Razak, Razak kata hantarkan beg ini kepada Din.

S. Din told you to see Razak and receive something from Razak, after you received the bag what did you to do with the bag, throw it into the river?

J. Din ada bagi tahu ia mengatakan ada sedikit beg tersebut mengandungi ganja.

Mahkamah.

S. Maksud Encik Mahalingam ada atau tidak Din beri tahu kepada Rani apa hendak Rani buat dengan beg itu selepas Rani terima beg itu daripada Razak?

J. Din bagi tahu kepada saya pergi ambil beg itu dan bawa balik hantar kepada dia, hantar kepada Din.

Boleh saya terima keterangan T2 mengenai Din, boleh saya terima keterangan T1 dan T2 mengenai Razak, mengenai P15, mengenai penyerahan-menyerahan P15 daripada Razak kepada T2 kepada T1.

Dengan hormatnya tetapi memandang, menimbang kepada keseluruhannya (in its totality) berasas kepada, penelitian kepada keterangan-keterangan pihak pendakwa dan keterangan-keterangan pihak pembela pada keseluruhannya (in its totality) yang dengan hormatnya telah saya huraikan, bersama pendapat-pendapat saya, pembelaan T1 pada keseluruhannya (in its totality) berbunyi kosong (sounds hollow) tidak dapat hendak saya percaya, terima dengan ukuran imbangan kebarangkalian (on a balance of probability) beliau naif (naive) beliau begitu naif, sehingga boleh diserit atau terserit sehingga membimbit P15 tanpa pengetahuan isi kandungan P15, sehingga tidak mengetahui, sehingga langsung tidak mengetahui isi kandungan P15

Dengan hormatnya dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian saya dapati,

(1) T1 ada pengetahuan isi kandungan P15 yang beliau membimbit ialah ganja.
(2) T1 tidak mematahkan (rebut) anggapan-anggapan di bawah s.37(d), (da(vi) ADB, 1952.
(3) T1 ada mengedar ganja itu.

Dengan hormatnya juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian saya dapati berasas kepada keterangan-keterangan pihak pendakwa dan keterangan-keterangan pihak pembela kepada keseluruhanya (in its totality) pembelaan T1 kurang munasabah, tidak

munasabah dan tidak keraguan apa-apa, tiada keraguan yang munasabah yang telah dibangkitkan atau ditimbulkan ke atas kes pihak pendakwa.

Saya dapati T1 salah seperti di tuduhan, sabit seperti di tuduhan. Saya hukum T1 seperti di s. 39B(2) ADB, 1952 dibaca bersama s. 277 Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6).

PENDAKWA RAYA

lwn.

KOH POAY KHOON

MAHKAMAH TINGGI, TAIPING
DATO' HJ. ABDUL MALIK BIN HJ. ISHAK PK.
[KES JENAYAH PERAK BIL NO: 58-14-92]
1 APRIL 1993

DADAH BERBAHAYA: Tuduhan mengedar dadah berbahaya - Sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh - Keterangan oleh ahli kimia - Ahli kimia gagal menerangkan cara dia membuat pemeriksaan dan penganalisaan - Sama ada keterangan ahli kimia mencukupi untuk membuat keputusan bahawa ketulan-ketulan itu adalah heroin dan beratnya - Sama ada barang kes yang dirampas adalah sama dengan barang kes yang di analisa oleh ahli kimia - Kegagalan pendakwa mengemukakan barang kes - Akibatnya.

Tertuduh dituduh mengedar dadah berbahaya jenis heroin seberat 273.2 gram, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952). Tertuduh ditangkap secara serang hendap dengan menggunakan seorang ejen perangkap. Ahli kimia yang memberi keterangan bagi pihak pendakwa gagal menyebut nama-nama ujian yang dijalankan olehnya dan soalan yang timbul ialah sama ada keterangan ahli kimia boleh diterima memandangkan kegagalan ini.

Satu lagi soalan yang timbul ialah akibat kegagalan pihak pendakwa mengemukakan timah rokok yang di gunakan oleh ejen perangkap untuk menjalankan pemeriksaan rambang di tempat kejadian sebagai barang kes, walaupun ejen perangkap dalam keterangannya telah mengatakan bahawa beliau telah buangkan timah rokok di tempat kejadian.

Diputuskan:

[1] Kegagalan menyebut nama-nama ujian yang dijalankan oleh ahli kimia merupakan satu perkara pokok ynag membangkitkan was-was terhadap keputusan ahli kimia dan oleh yang demikian keterangan ahli kimia itu tidak patut diterima.